

Kosmo
25 Februari 2026

Tukar baju raya lama kepada baharu

PETALING JAYA – Sun Life Malaysia, sebuah syarikat insurans hayat dan takaful, akan meluaskan lagi kempen Baju Raya Lama Baharu di luar Lembah Klang hingga ke Pulau Pinang dan Johor tahun ini.

Kempen berkenaan mendapat kerjasama daripada FedEx sebagai rakan logistik baharu, di samping rakan kongsi sedia ada AEON BiG dan KLOTH Cares.

AEON BiG menyediakan lokasi pengumpulan, manakala KLOTH Cares menguruskan proses pengasingan barangan yang didermakan.

Ia disasarkan bakal memberi manfaat kepada 300 penerima khususnya penghuni pusat jagaan warga emas, rumah anak-anak kurang bernasib baik dan ibu tunggal, membina momentum daripada kejayaan mengumpulkan lebih 2,000 kilogram pakaian terpakai yang diubah suai untuk 100 kanak-kanak tahun lalu.

Presiden dan Ketua Negara Sun Life, Ho Teck Seng berkata, sebagai syarikat yang berteraskan tujuan, pihaknya berhasrat untuk membantu pelanggan mencapai keselamatan kewangan sepanjang hayat dan menjalani kehidupan lebih sihat, sambil menyumbang untuk komuniti.



HO TECK SENG

“Setiap tahun, banyak pakaian terpakai tidak digunakan. Dengan memberi pakaian ini tujuan baharu, kita membantu lebih ramai meraikan raya dengan penuh bermaruah sambil mengurangkan pembaziran,” katanya.

Kempen ini berlangsung sehingga 31 Mac 2026 dengan 18 tong khas disediakan di cawangan AEON BiG, pejabat Sun Life Malaysia dan lokasi FedEx terpilih, memudahkan rakyat Malaysia untuk menyumbang.

